

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

AAW413 - PERAKAUNAN PENGURUSAN LANJUTAN
AKU403 - PERAKAUNAN KOS

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEBELAS (11)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. (a) Kentang Uban memproses ubi kentang dilojinya yang berotomasi tinggi. Selama ini Syarikat kentang yang diproses dijual untuk pasaran runcit. Baru-baru ini Kentang Uban mula menjual kentang yang diproses (dipotong dan dibersih) untuk pasaran institusi termasuk hospital, kafeteria dan lain-lain.

Sistem pengekosan Kentang Uban mempunyai satu kategori kos langsung (bahan langsung, iaitu kentang) dan satu kolam kos tidak langsung (sokongan pengeluaran). Kos sokongan diperuntukkan berdasarkan kuantiti kentang yang diproses. Kos sokongan termasuk bahan membungkus. Jumlah kos sebenar pada 1996 untuk mengeluar 1,000,000 paun potongan-potongan kentang (900,000 paun untuk pasaran runcit dan 100,000 paun untuk pasaran institusi) ialah:

Bahan langsung digunakan	RM150,000
Sokongan pengeluaran	RM983,000

Sistem pengekosan sekarang tidak membezakan potongan kentang yang dikeluarkan untuk pasaran runcit dengan pasaran institusi.

Pada akhir tahun 1996, Syarikat Kentang Uban gagal untuk mendapatkan tender kontrak sebuah institusi yang besar. Sebutuharganya dikatakan 30% melewati sebutharga yang berjaya. Ini memerlukatkan syarikat itu kerana ia meletakkan margin untung yang minimum bagi sebutharga itu. Lagipun lojinya itu memang diiktiraf sebagai tercekap di dalam industri.

...2/-

Sehubungan dengan itu Kentang Uban memutuskan untuk meneroka cara-cara untuk menghalusi sistem pengekosannya. Pertama, ia mengenalpasti yang RM188,000 daripada RM983,000 merujuk kepada bahan membungkus yang boleh dikesan kepada setiap kerja (RM180,000 bagi runcit dan RM8,000 bagi institusi). Kos ini akan diklasifikasikan sebagai bahan langsung. Sementara itu RM150,000 daripada bahan langsung yang digunakan diklasifikasikan sebagai RM135,000 untuk runcit dan RM15,000 untuk institusi. Kedua, ia menggunakan pengekosan berdasarkan aktiviti (ABC) untuk meneliti bagaimana kedua-dua barang (kentang runcit dan kentang institusi) berbeza di dalam penggunaan kawasan sokongan. Penemuannya ialah tiga kawasan aktiviti boleh dikenali, dan penggunaan yang berbeza berlaku di dua daripada tiga kawasan ini. Kos tak langsung sepaun barangsiap di setiap kawasan aktiviti itu adalah seperti berikut:

<u>Kawasan aktiviti</u>	<u>Kentang runcit</u>	<u>Kentang institusi</u>
Membersih	RM0.120	RM0.120
Memotong	0.240	0.150
Membungkus	0.480	0.120

Tiada sebarang inventori awal atau akhir bagi bahan, kerja dalam proses dan barangsiap.

Dikehendaki:

- (i) Dengan menggunakan sistem pengekosan sekarang, berapakah kos sepaun potongan kentang yang dikeluarkan oleh Kentang Uban?
- (ii) Dengan menggunakan sistem pengekosan yang lebih halus, berapakah kos sepaun (1) kentang runcit; (2) kentang institusi?
- (iii) Komen tentang perbezaan kos di antara dua sistem pengekosan di (i) dan (ii). Bagaimanakah Kentang Uban boleh menggunakan maklumat di (ii) untuk membuat keputusan yang lebih baik?

[10 markah]

...3/-

- (b) RBC mengeluarkan bot-bot kecil. Oleh kerana pengurus-pengurusnya berlatarbelakang kejuruteraan, mereka lebih gemar kepada maklumat bukan kewangan untuk model membuat keputusan. Maka mereka menghendaki akauntan RBC mengumpul data bukan kewangan untuk membantu mereka di dalam memeriksa pencapaian operasi. Maklumat berikut berhubung dengan pengeluaran sebuah bot kecil.

	<u>19x1</u>	<u>19x2</u>
Unit keluaran dan jualan	1,700	1,400
Buruh langsung	34,000	28,800
Bahan langsung digunakan	7,250	6,100
Kos buruh langsung sejam	RM 42	RM 44
Kos bahan langsung/tan	RM862	RM886

Dikehendaki:

- (i) Berapakah produktiviti sebahagian (partial) bagi bahan langsung setiap tahun?
- (ii) Berapakah produktiviti sebahagian (partial) bagi buruh langsung setiap tahun?
- (iii) Berapakah jumlah faktor produktiviti bagi setiap tahun?

[9 markah]

- (c) Hj Mahmud, pengurus Bank Bumiputra USM, selama ini memperolehi penilaian yang cemerlang bagi pengurusan cawangannya. Namun demikian, baru-baru ini beliau agak terkejut dengan laporan prestasi bulanan yang dikeluarkan oleh pihak ibu pejabat. Cawangan beliau telah berkembang dengan pertumbuhan perniagaan yang terkawal. Beliau tidak nampak bagaimana laporan prestasi itu boleh menunjukkan varians yang besar dengan pencapaian lepas-lepas. Satu item yang beliau syak antara yang bermasaalah ini ialah kebanyakan kos bank adalah tetap, di mana setiap cawangan diperuntukkan dengan perbelanjaan ibu pejabat. Sementara itu memang diketahui ramai bahawa terdapat beberapa cawangan lain berkembang dengan terlalu cepat sehingga ada yang mengalami masalah operasi.

Dikehendaki:

Dari maklumat di atas sarankan penyebab yang mungkin menimbulkan masalah pelaporan itu.

[6 markah]

2. (a) Modinos ialah sebuah syarikat membuat basikal gunung. Permintaan bulanan ialah antara 80 hingga 100 unit. Permintaan purata ialah 92 unit. Loji Modinos beroperasi 300 jam sebulan. Setiap unit basikal mengambil masa 1.5 jam.

Sekiranya syarikat ini menambah satu barisan basikal jenis kecil yang baru, permintaan permulaan dijangka 20 unit sebulan. Setiap basikal kecil mengambil masa 1 jam untuk dikeluarkan. Untuk mengatasi had kapasiti, talian pemasangan mungkin ditambah. Ini akan mengurangkan masa pengeluaran bagi semua barang sebanyak 20 peratus. Bagaimanapun, ini akan meningkatkan kos basikal gunung daripada RM400 kepada RM500 dan kos basikal kecil daripada RM200 kepada RM240. Perubahan ini juga akan meningkatkan harga daripada RM700 kepada RM750 bagi basikal gunung manakala daripada RM450 kepada RM500 bagi basikal kecil.

Dikehendaki:

- (i) Berapa lamakah masa menunggu purata bagi basikal gunung jika ia sahaja yang dikeluarkan?
- (ii) Barapa lamakah masa menunggu purata sekiranya kedua-dua basikal dikeluarkan tanpa penambahan kepada talian pemasangan?
- (iii) Berapa lamakah masa menunggu purata sekiranya kedua-dua basikal dikeluarkan di mana talian pemasangan ditambah?
- (iv) Berapakah margin yang dijangka tanpa basikal kecil sekiranya syarikat menjual semua 92 basikal gunung yang dikeluarkan?

- (v) Berapakah margin yang dijangka sekira basikal kecil dikeluarkan dengan (1) talian pemasangan sekarang, dan (2) talian baru? Andaikan jualan purata, dan unit jualan menyamai pengeluaran.
- (vi) Apakah tindakan yang anda perakuan?

[14 markah]

- (b) Bahagian Pemasangan Syarikat OBR menawar untuk membeli 90,000 unit bateri daripada Bahagian Elektrik pada harga RM104 seunit. Pada volum biasa 250,000 bateri setahun), kos pengeluaran seunit bateri adalah seperti berikut:

Bahan langsung	RM40
Buruh langsung	20
Overhead kilang boleh ubah	12
Overhead kilang tetap	40
	<hr/>
	RM112
	= = =

Bahagian Elektrik selama ini menjual 250,000 bateri setahun kepada pembeli luar pada harga RM136 seunit. Kapasitinya ialah 350,000 bateri setahun. Bahagian Pemasangan selama ini membeli bateri daripada pembekal luar dengan harga RM130 seunit.

Dikehendaki:

- (i) Patutkah Bahagian Elektrik menerima tawaran ini? Terangkan.
- (ii) Daripada perspektif syarikat, adakah jualan dalaman ini bermanafaat? Terangkan.

[6 markah]

- (c) Syarikat FMC amat agresif mewujudkan skim kewangan dan bukan kewangan untuk membantu penilaian proses pengilangannya. Nampaknya sesetengah pengurus berperlakuan suboptima (*suboptimising*), yang mana proses membuat keputusan mereka menjurus hanya kepada kepentingan dan menafaat jabatan masing-masing, sehingga menjelaskan organisasi keseluruhan.

Dikehendaki

Apakah perubahan di dalam sistem penilaian yang boleh diambil oleh syarikat untuk meminimumkan amalan yang suboptima di kalangan pengurus.

[5 markah]

3. (a) AP Dawai memproses tembaga untuk dijadikan dawai. Firma ini membuat dawai berukuran tebal dan yang berukuran nipis. Dalam bulan April, kos bersama memproses dawai berjumlah RM365,000. Tiada sebarang stok awal atau stok akhir dalam bulan itu. Maklumat pengeluaran dan jualan bagi bulan April adalah seperti berikut:

<u>Dawai</u>	<u>Meter</u>	<u>Kos berasingan</u>	<u>Harga jualan</u>
Tebal	200,000	RM0.20 semeter	RM0.90 semeter
Nipis	600,000	RM0.30 semeter	RM1.00 semeter

Dikehendaki:

Kirakan kos bersama yang diperuntukkan kepada kedua-dua jenis dawai dengan menggunakan kaedah margin kasar konstan.

[6 markah]

- (b) Sungai Dua Motor adalah sebuah perniagaan menjualbeli kereta. Bagi bulan Jun data berikut diberikan:

	<u>Kos objek</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Belanjawan</u>
Unit dibeli		2,600	2,500
Unit dijual		2,500	2,400
		RM	RM
Jumlah kos barang dijual	# unit dijual	30,000,000	26,400,000
Belanja pembeli	# unit dibeli	162,000	175,000
Pembersihan unit yang dijual	Jabatan Pembersihan	150,000	156,000
Perhubungan pelanggan	Sokongan jualan	244,000	213,000
Sewa ruang kedai	# unit dibeli	20,000	20,000
Komisyen jurujual	# unit dijual	300,000	264,000
Utiliti	Sokongan jualan	3,500	3,000

Dikehendaki:

- (i) Kirakan kadar pengekosan (langsung dan tidak langsung) bagi setiap kos objek menggunakan teknik pengekosan sebenar, biasa dan belanjawan.
- (ii) Berapakah jumlah kos yang dikenakan (*assigned*) kepada satu kereta bagi setiap kadar pengekosan di atas?

[13 markah]

- (c) R & D Simpan adalah sebuah syarikat pengangkutan dan penyimpanan yang kecil tetapi beranika perniagaan. Di kebelakangan ini, pendapatan korporat telah menurun ke tahap yang membimbangkan. Untuk mengubah halatujunya, lembaga Pengarah membawa masuk seorang ketua eksekutif baru. Beliau sedang menimbang tiga alternatif ganjaran prestasi pengurus. Alternatifnya ialah:

- (i) Membayar gaji yang berdaya saing kepada setiap pengurus tanpa sebarang bonus prestasi.
- (ii) Membayar gaji pokok kepada setiap pengurus, sementara sebahagian besar lagi berbentuk bonus prestasi, yang mana PAP dijadikan sebagai kayu ukur.
- (iii) Membayar gaji pokok kepada setiap pengurus diikuti dengan bonus yang berasaskan perbandingan antara bahagian-bahagian.

Dikehendaki:

Berikan penilaian anda tentang alternatif ganjaran di atas dengan menghuraikan kekuatan dan kelemahan masing-masing.

[6 markah]

4. (a) Minden Instruments membuat barangannya daripada beberapa komponen. Ia mempunyai dua jabatan yang memproses semua barang. Pada awal bulan Januari, inventori kerja dalam proses bagi Jabatan Memasang telah 50 peratus siap dari segi menukar manakala siap sepenuhnya dari segi bahan langsung. Inventori awal ini mengandungi RM12,000 kos bahan dan RM4,000 kos menukar. Overhead diserap pada kadar 50 peratus daripada kos buruh langsung. Inventori akhir kerja dalam proses bagi jabatan memasang ini juga siap dari segi bahan langsung tetapi hanya 40 peratus siap dari segi menukar. Semua kerosakan dianggap biasa dan dikesan pada akhir pemprosesan.

Inventori awal kerja dalam proses di Jabatan Menyiap telah siap 75 peratus dari segi menukar. Inventori akhir kerja dalam proses pula 25 peratus siap dari segi menukar. Bahan langsung ditambah pada akhir pemprosesan. Inventori mula terdiri daripada RM16,000 kos yang dipindah masuk (transferred-in) dan RM10,000 kos menukar. Kos overhead di jabatan ini menyamai kos buruh langsung. Maklumat tambahan tentang kedua-dua jabatan diberikan:

	<u>Jabatan Memasang</u>	<u>Jabatan Menyiap</u>
Kerja dalam proses, awal (unit)	20,000	24,000
Unit dimulakan dalam Januari	40,000	?
Unit dipindah keluar dalam Januari	50,000	54,000
Kerja dalam proses, akhir (unit)	8,000	20,000
Kos bahan ditambah	RM44,000	RM28,000
Buruh langsung pengilangan	RM16,000	RM24,000

Dikehendaki:

Sediakan satu laporan kos pengeluaran dengan menggunakan kaedah purata wajar bagi Jabatan Memasang dan kaedah MDKD bagi Jabatan Menyiap.

[17 markah]

...9/-

- (b) Baby Care Corp. telah selesai melaksanakan program penambahanbaik kualiti operasi pengeluarannya. Langkah berikutnya ialah untuk menambahbaik operasi pentadbiran yang akan bermula dengan sistem maklumat perakaunan. Sebagai seorang pengurus perakaunan, anda telah diminta untuk memulakan program penambahbaik kualiti. Bagaimanakah cara-cara anda mendapatkan maklumat tentang keadaan kualiti yang wujud pada masa sekarang?

[8 markah]

5. (a) Gelugor Oren ialah sebuah syarikat roti dan kek. Semua pemprosesan dijalankan dalam kelompok 6 dozen. Bagi bulan Mac, tiada sebarang inventori awal. Inventori akhir bahan mentah berjumlah RM1,500. Kos menukar dan bahan langsung sahaja digunakan sebagai akaun kos pengeluaran. Bahan langsung dibeli secara tepat pada masa (JIT). Catatan jurnal direkod apabila bahan dibeli dan pengeluaran barangsiap - satu daripada kaedah-kaedah pengekosan "backflush". Maklumat tambahan bagi bulan berkenaan adalah seperti berikut:

Bahan langsung sebenar	RM82,000
Kos menukar sebenar	RM65,000
Kos piawai bahan langsung sekelompok	RM10,00
Kos piawai menukar sekelompok	RM8.00
Kelompok keluaran	8,000
Kelompok jualan	7,500

Dikehendaki:

Sediakan catatan jurnal bagi aktiviti bulanan yang berkaitan dengan urusniaga di atas sekiranya pengekosan "backflush" digunakan. Syarikat juga menggunakan sistem pengekosan piawai untuk merekod belian dan penggunaan bahan dan merekod kos menukar.

[10 markah]

...10/-

- (b) Ultra Kool mengeluar pinggan dan mangkok yang beranika bentuk dan ukuran. Lojinya terdiri dari operasi mengacu, operasi pemanasan dan satu operasi menyiap yang mana semua barang akan melaluinya. Tiada sebarang inventori awal dan akhir. Kos menukar diperuntukkan berasaskan unit siap. Daripada kos menukar dalam bulan Ogos, RM200,000 adalah overhead kilang dan diperuntukkan berasaskan jam mesin bagi mengacu dan jam membakar bagi pemanasan. Data berikut dikumpul bagi bulan Ogos:

	<u>Pinggan</u>	<u>Mangkuk</u>
Bahan langsung diminta oleh operasi mengacu	RM100,000	RM150,000
Bahan langsung diminta oleh operasi menyiap	40,000	50,000
Kos menukar diperuntukkan:		
Mengacu	110,000	140,000
Pemanasan	40,000	
Menyiap	50,000	70,000
Kos menukar sebenar:		
Mengacu	115,000	130,000
Pemanasan	42,500	
Menyiap	45,000	72,500

Dikehendaki:

- (i) Berapakah belanjawan kadar peruntukan bagi setiap barang di setiap jabatan sekiranya 200,000 pinggan dan 400,000 mangkuk dibelanjawankan untuk pengeluaran dalam bulan Ogos. 10,000 jam mesin dibelanjawankan bagi operasi mengacu dan menyiap, sementara dan 250 jam membakar?
- (ii) Berapakah kos sekelompok 50 pinggan?

[8 markah]

- (c) SMA mengeluarkan sejenis makanan anjing. Untuk mendapatkan hasil campuran yang terbaik, sebahagian khas daging lembu dicampurkan dengan kacang soya. Campuran piawai memerlukan satu paun daging untuk enam paun kacang soya. Harga piawai ialah RM1.00 sepaun daging dan RM0.20 sepaun kacang soya. Dalam bulan Januari, 8,000 paun campuran telah dibungkus untuk dijual, dengan menggunakan 1,000 paun daging dan 7,000 paun kacang soya. Semua varians adalah berkaitan dengan bahan yang digunakan. Harga sebenar yang dibayar ialah RM1.10 sepaun daging dan RM0.21 sepaun kacang soya.

AAW413/AKU403

Dikehendaki:

Kirakan varians campuran (*mix*) dan varians hasil (*yield*) bagi setiap bahan langsung dan barangsiap.

[7 markah]

---ooo000ooo---